

## ORIGINAL ARTICLE

## INTELLECTUAL DISCOURSE OF SYEIKH ABD AL-SAMAD AL-FALIMBANI

Mohamad Zainuddin bin Mohamed dan Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham<sup>1</sup><sup>1</sup> Centre for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Pahang, Malaysia.

**ABSTRACT** – Sheikh Abdul Al-Samad Al-Falimbani is a Sufi scholar from Palembang who is famous for his many writings, seminars, and public debates on the theme of Sufism. This article seeks to reveal some of the backgrounds of Sheikh Abdul al-Samad who is referred to as the "Worldly Known Scholar" in terms of genealogy, name, place of birth, educational background, work, teachers and students. His death was also highlighted. The research method is qualitative in nature from the library research type. It applies the method of documentation from library materials such as doctoral theses, scholars as well as articles, papers, journals, books and classic books related to Sheikh Abd al-Samad al-Falimbani.

**ARTICLE HISTORY**Received: 22<sup>nd</sup> Mar. 2022Revised: 20<sup>th</sup> Apr. 2022Accepted: 15<sup>th</sup> May 2022**KEYWORDS***Thoughts**Abd al-Samad al-Falimbani**Documentation**Implement*

## PEMIKIRAN INTELEKTUAL SYEIKH ABD AL-SAMAD AL-FALIMBANI

**ABSTRAK** - Syeikh Abdul Al-Samad Al-Falimbani adalah ulama Sufi yang berasal dari Palembang yang terkenal dalam banyak penulisan, seminar, dan perbincangan umum bagi tema Sufisme. Tulisan ini berusaha mengungkap beberapa latar belakang Syeikh Abdul al-Samad yang disebut sebagai "Ulama Yang Dikenali Seluruh Dunia" dalam aspek salasilah, nama, tempat kelahiran, latar belakang pendidikan, hasil karya, guru dan anak murid beliau. Kematian beliau turut diketengahkan. Kaedah kajian adalah bersifat kualitatif dari jenis kajian perpustakaan. Ia menerapkan kaedah dokumentasi dari bahan-bahan perpustakaan seperti tesis kedoktoran, sarjana dan juga artikel, kertas kerja, jurnal, buku dan kitab-kitab klasik berkaitan dengan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani.

**KATA KUNCI***Pemikiran**Abd al-Samad al-Falimbani**Dokumentasi**Implemen*

## PENDAHULUAN

Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani merupakan salah seorang ulama Melayu yang tersohor dalam sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu. Beliau adalah antara ulama tersohor di akhir abad ke-18 M dan awal abad ke-19 M, dan juga salah seorang sarjana di eranya. Kemasyhuran beliau tidak perlu dipertikaikan lagi terutamanya dalam kalangan pengkaji dan pencinta ilmu agama. Kealiman beliau dalam bidang keagamaan sangat terserlah. Ini bukti melalui karya-karya beliau dalam pelbagai bidang keilmuan yang masih menjadi rujukan masyarakat Islam hingga ke detik ini.

Sepanjang hayatnya al-Falimbani telah berjaya menghasilkan beberapa buah karya dalam pelbagai disiplin dan aspek ilmu keislaman, dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Meskipun beliau merupakan seorang yang terkemuka, namun riwayat hidup beliau atau keperibadiannya, serta salasilah keturunannya adalah tidak lengkap dan samar-samar.

## PENYATAAN MASALAH

Pengkaji memilih tajuk tentang pemikiran intelektual Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani untuk dianalisis adalah kerana Syeikh Abd al-Samad cukup terkenal di alam dunia penulisan dan ketokohan ilmu khususnya di Malaysia yang menjadi bahan rujukan utama di sebahagian besar pondok dan masjid di Malaysia. Dalam masa yang sama, Riwayat hidup Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani sangat sedikit diketahui. Ia sendiri hampir tidak pernah menceritakan tentang dirinya, selain tempat dan tanggal yang dia cantumkan setiap kali selesai menulis sebuah kitab. Seperti yang pernah ditelusuri M. Chatib Quzwain dan juga Hawash Abdullah, satu-satunya yang menerangkan tentang dirinya hanya al-Tarikh Salasilah Negeri Kendah (di Malaysia) yang ditulis Hassan bin Tok Kerani Mohammad Arsyad pada 1968.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian adalah bersifat kualitatif dari jenis kajian perpustakaan. Ia menerapkan kaedah dokumentasi dari bahan-bahan perpustakaan seperti tesis kedoktoran, sarjana dan juga artikel, kertas kerja, jurnal, buku dan kitab-kitab klasik berkaitan dengan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani. Kemudian upaya melengkapkan kajian ini menerusi bacaan dan analisis pengkaji terhadap pelbagai data yang telah diperolehi yang berhubung kait dengan kajian yang tengah dibuat.

## PERBINCANGAN / DISCUSSION

### Nama dan Keturunan

Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani tidak menuliskan namanya secara lengkap dalam setiap karangan beliau. Nama yang digunakan atau ditulis hanyalah Syeikh 'Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani yang mewakili bangsa dan asalnya sahaja iaitu Al-Jawi merujuk pada bangsa; bangsa Melayu manakala Al-Falimbani pula merujuk pada negeri asalnya iaitu Palembang (Wan Mohd Saghir Abdullah:2000M:8), sebuah negeri yang terletak di selatan Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, beliau telah bermastautin di Mekah atas asbab menuntut ilmu agama iaitu selama 30 tahun di Mekah dan lima tahun di Madinah (Wan Mohd Saghir Abdullah:2000M:16).

Mengenai salasilah atau asal-usul keturunan ibu bapa al-Falimbani, tidak terdapat sumber yang jelas dan cukup memerihalkan selain buku al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan dua buah manuskrip dalam bentuk yang sangat ringkas. Daripada sumber yang pertama, pernyataan namanya jelas menunjukkan beliau berasal dari Palembang iaitu merujuk pada keturunan ibunya dan bukan pada bapanya yang berasal dari Negara Yaman dengan gelaran al-Mahdani.

Merujuk sumber kedua pula menyatakan sebaliknya di mana sumber tersebut mengatakan beliau berasal dari Aceh atau dikenali sebagai Patani kerana al-Falimbani juga dirujuk sebagai al-Asyi; bermaksud orang Aceh (Wan Mohd Saghir Abdullah:1996M:10). Dalam pada itu, manuskrip kedua juga ada menyebut Syeikh Abd al-Samad diberi nama al-Fatani yang membawa maksud orang Patani (Wan Mohd Saghir Abdullah:2000M:8), di samping pelbagai cerita lisan yang mendakwa asal-usul keturunannya berasal dari Aceh, walaupun beliau dilahirkan di Palembang (Muhammad 'Uthman el-Muhammadi:1989M:4).

Bapa al-Falimbani pula bernama Tuan Syeikh 'Abd al-Jalil bin Tuan Ahmad al-Mahdani seperti yang tercatat dalam kitab al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (Wan Mohd Saghir Abdullah:2000M:1-2). Sejarah ayahanda al-Falimbani hanya boleh didapati dalam kitab tersebut. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah memperihalkan bapa beliau merupakan seorang ulama dan pendakwah yang berasal dari Sana'a Yaman, dan sering melakukan perjalanan ke India dan Jawa sebelum menetap di Kedah, Tanah Melayu. Syeikh Abd al-Jalil datang ke Palembang, kemudiannya dilantik menjadi mufti negeri Kedah pada awal abad ke-18 iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa selepas pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Sha. (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:92-97).

Manakala ibu al-Falimbani bernama Radin Ranti adalah seorang wanita Palembang yang diperisterikan oleh Syeikh 'Abd al-Jalil ketika beliau pulang ke Palembang, selepas beberapa bulan daripada perlantikan sebagai mufti Kedah. Radin Ranti merupakan isteri kedua kepada Syeikh Abd al-Jalil iaitu madu kepada Wan Zainab, puteri Dato' Seri Maharaja Dewa di Kedah. Bilangan adik-beradik al-Falimbani juga tidak diketahui melainkan dua orang adiknya iaitu Wan 'Abd al-Qadir dan Wan 'Abdullah (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:15), anak kepada Wan Zainab.

Wan 'Abd al-Qadir kemudiannya dilantik sebagai mufti Kedah menggantikan bapanya, manakala Wan 'Abd Allah memangku gelaran Seri Maharaja Putera Dewa. Mengenai zuriat al-Falimbani, hanya seorang sahaja diketahui setakat ini iaitu anak perempuan yang bernama Fatimah, tetapi biodata mengenainya belum diketahui lengkap (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:49).

### Tarikh dan Tempat Kelahiran

Menyentuh tentang kelahiran al-Falimbani, sumber mengenainya tidak diketahui secara tepat dan mempunyai perlbagai sumber yang berbeza. Setakat ini hanya boleh diperolehi berdasarkan daripada buku al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:92-97).

Berlandaskan sejarah negeri Kedah, al-Falimbani berkemungkinan lahir pada awal abad ke-18 Masihi di Palembang (M. C. Quzwain:1986M:10). Hal ini berdasarkan salasilah bermula daripada pertabalan Sultan Muhammad Jiwa selepas kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:110-113).

Bapa al-Falimbani, Syeikh Abdul al-Jalil bin Syeikh Abdul al-Wahhab al-Madani merupakan guru kepada baginda, Sultan Muhammad Jiwa dan juga seorang pendakwah di Palembang. Beliau yang berasal dari Yaman, dilantik sebagai mufti negeri Kedah oleh Sultan Muhammad Jiwa. Tidak lama kemudian, beliau dikahwinkan dengan anak Datok Seri Maharaja Dewa bernama Wan Zainab.

Syeikh Abdul al-Jalil kemudiannya kembali pulang ke Palembang selepas beberapa bulan mendirikan rumah tangga, sejour anak muridnya meminta beliau kembali ke sana. Hal ini kerana murid-murid beliau merindui kehadiran beliau di Palembang.

Di Palembanglah, beliau dikahwinkan pula dengan Raden Ranti. Hasil perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan Allah S.W.T seorang anak lelaki yang diberi nama 'Abd al-Samad yakni al-Falimbani. Berdasarkan, garis masa inilah, Syeikh Abd al-Samaad al-Falimbani barangkali dilahirkan pada awal abad ke-18.

### Pendidikan

Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani mendapat pendidikan asas daripada bapa kandungnya sendiri iaitu Syeikh 'Abd al-Jalil di Kedah. Kemudian, Syeikh 'Abd al-Jalil menghantar kesemua anaknya ke sekolah pondok di negeri Patani untuk mempelajari pelbagai ilmu keislaman secara sistem pondok dengan lebih mendalam lagi. Dinyatakan bahawa kemungkinan Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani dan dua orang saudaranya iaitu Wan 'Abd Allah dan Wan 'Abd al-Qadir telah memasuki beberapa pendidikan pondok yang tersohor. Antara sekolah pondok yang sangat terkenal ialah Pondok Pauh Bok, Pondok Bendang Gucil di Kerisik, atau Pondok Kuala Bekah ataupun Pondok Semala yang semuanya terletak di Patani (Wan Mohd Saghir Abdullah:2000M:15)

Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani telah dipandang sebagai seorang yang alim ketika masih berada di Patani lagi, kerana beliau adalah ketua kepada tala’at atau dikenali sebagai tutor, namun ayahnya masih berusaha untuk menghantar al-Falimbani beserta adik-adiknya melanjutkan pelajaran ke tanah suci Mekah al-Mukarramah. Adalah satu tradisi pada zaman tersebut menjadikan Mekah dan Madinah sebagai tempat mencari ilmu yang penuh dengan keberkatan bagi mereka yang mampu.

Faktor inilah yang mendorong bapa Syeikh Abd al-Samad untuk menghantar semua puteranya menuntut ilmu ke Mekah dan Madinah. Dicatatkan bahawa al-Falimbani belajar di Mekah sekitar tiga dekad dan di Madinah selama lima tahun bersama-sama dengan rakan-rakannya iaitu Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Abdul Wahab Pengkajen, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan ramai lagi.

### Karya Penulisan

Hasil penulisan al-Falimbani secara umumnya adalah mengenai keilmuan Islam. Penjurusan beliau adalah dalam ilmu Tasawuf selain daripada akidah dan fiqh serta jihad. Dua buah karya beliau yang paling terkenal dan masih didagangkan hingga kini ialah Hidayat al-Salikin dan Sayr al-Salikin. Antara hasil karyanya yang telah diketahui adalah seperti berikut:

- a. Zahrat al-Murid fi Bayan Kalimat al-Tawhid:  
Karya ini mengenai aspek persoalan akidah dan tauhid. Penulisannya selesai pada 1178H bersamaan 1764M. Al-Falimbani mengatakan bahawa karangannya ini berdasarkan siri kuliah di Tanah Suci yang diberikan oleh Sheikh ‘Abd al-Mun’im al-Damanhuri, iaitu seorang ulama Mesir pada tahun 1763 M. Karya ini menggunakan bahasa Melayu atas permintaan para pendengar yang tidak mahir berbahasa Arab. Karya ini pernah dicetak di Mekah pada tahun 1331H atau 1912M iaitu di percetakan Matba’ah al-Taraqqi al-Majidiyyah al-Uthmaniyyah.
- b. Risalah ‘Pada Menyatakan Sebab Yang Diharamkan Bagi Nikah:  
Beliau telah tamat menulis karya ini pada tahun 1179H bersamaan 1765M.
- c. Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin:  
Karya ini adalah dalam bahasa Melayu, dan lengkap ditulis pada tahun 1192H. Karya ini merupakan adaptasi daripada kitab Bidayat al-Hidayah karangan Imam al-Ghazali. Karya ini menyentuh tentang ilmu Tasawwuf. Ia dicetak buat pertama kalinya pada tahun 1287H bersamaan 1870M di Mekah, manakala versi terjemahan yang ditahqiq oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani (m. 1908M) dicetak pada tahun 1303H / 1885M di Matba’ah al-Miriyah, Mekah.
- d. Sayr al-Salikin ila Ibadat Rabb al-Rabb al-Alamin:  
Karangan ini berbahasa Melayu dan mula dikarang pada 1194H atau 1780M dan mengambil masa selama sembilan tahun untuk menyiapkannya. Kitab ini merupakan saduran daripada karya Imam al-Ghazali iaitu Lubab Ihya’ Ulum al-Din. Kandungannya adalah berkaitan ilmu tasawwuf, akidah dan fiqh. Cetakan Sayr al-Salikin ila Ibadat Rabb al-Rabb al-Alamin adalah di Mekah pada 1306H / 1888M, manakala cetakan pertama versi yang ditahqiq oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn ialah pada 1330H / 1911M di Matba’ah al-Taraqqi al-Majidiyyah al-Uthmaniyyah, Mekah.
- e. Al-‘Urwat al-Wuthqa wa Silsilah Waliy al-Atqa:  
Karangan ini yang berbahasa Melayu ini mengandungi wirid-wirid yang afdhal diamalkan pada waktu tertentu. Al-Falimbani mempelajari wirid-wirid tersebut daripada gurunya, Syeikh Muhammad al-Sammani (Abd al-Samad al-Falimbani:t.t:3:170).
- f. Ratib Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani:  
Manuskrip ini ditulis dalam bahasa Melayu, mengandungi perkara berkaitan wirid dan zikir yang diamalkan selepas solat Isyak pada malam Jumaat. Tarikh manuskrip ini ditulis adalah tidak dinyatakan dan pada umumnya kandungan manuskrip ini adalah saling tidak tumpah seperti kitab Ratib al-Samman karya Syeikh Muhammad bin ‘Abd al-Karim al-Sammani (M. C. Quzwain: 1986M:27).
- g. Nasihat al-Muslimin wa Tadhkirat al-Mukminin fi Fada’il al-Jihad wa Karamat al-Mujahidin fi Sabil Allah:  
Karya ini mengetengahkan konsep jihad dalam Islam dan terdiri daripada tujuh bab (M. C. Quzwain: 1986M:23).
- h. al-Risalah fi Kayfiyyat al-Ratib Laylat al-Jumu’at.
- i. Mulhiqun fi Bayan Fawaid al-Nafiah fi Jihad fi Sabil Allah.
- j. Zad al-Muttaqin fi Tawhid Rabb al-Alamin:  
Menurut al-Falimbani, karangan ini membicarakan tentang fahaman Wahdat al-Wujud daripada himpunan ajaran Syeikh Muhammad ‘Abd al-Karim al-Sammani (Abd al-Samad al-Falimbani:t.t:3:83). Namun, belum dijumpai naskahnya baik dalam bentuk manuskrip mahupun yang pernah dicetak, tarikh penulisannya juga tidak diketahui.

- k. Ilmu Tasawwuf:  
Penulisan karya ini adalah dalam bahasa Arab yang disertai dengan tafsirannya dalam bahasa Melayu.
- l. *Mulhis al-Tuhbit al-Mafdah min Rahmat al-Mafdah Alayh al-Salat wa al-Salam*:  
Karya ini dikatakan merupakan ringkasan daripada karangan yang berjudul *Tuhfat al-Mursalat ila Ruh al-Nabi*, ditulis oleh Muhammad Fadl Allah al-Burhanpuri. Penulisan ini mengenai konsep tauhid dalam konteks kefahaman daripada segi martabat tujuh. Manuskrip karya ini disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, P.N.M dan mempunyai kod panggilan yang sama dengan 'Ilm al-Tasawwuf.
- m. *Kitab Mikraj*:  
Kitab ini disudahkan penulisannya pada 1201H / 1786M (MS di Pusat Manuskrip Melayu, P.N.M).
- n. *Anis al-Muttaqin*:  
Wan Mohd Saghir Abdullah menyangkal pendapat sesetengah pihak yang mengatakan karangan ini bukan hasil karya al-Falimbani dan menyatakan sebaliknya dan dikatakan manuskrip tersebut ada dalam simpanan beliau (Muhammad 'Uthman el-Muhammadi:2002M:3). Pendapat tersebut timbul kerana nama pengarang yang tertulis ialah 'Abd al-Samad b. Faqih Husein.
- o. *Puisi Kemenangan Kedah*:  
Tiada keterangan lanjut yang dikemukakan.

Berdasarkan fakta di atas, hasil karya al-Falimbani yang dapat ditemui setakat ini adalah berjumlah 15 buah. Sebahagian kitab atau buku al-Falimbani merupakan naskhah yang masih tersimpan di pelbagai perpustakaan, antara lain di Perpustakaan Muzium Nasional Jakarta, Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, dan Russian Institute of Oriental Studies di Leningrad, Rusia. (Akhbar Kompas:2003M).

### Guru dan Murid Al-Falimbani

Bapa al-Falimbani merupakan guru pertama beliau, di mana beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahandanya sendiri. Selain daripada itu, tiada sumber-sumber yang sahih mengenai guru-guru beliau semasa menuntut ilmu sama ada di Patani atau Palembang. Dalam pada itu, al-Falimbani telah berguru dengan ramai ulama seperti Syeikh Muhammad bin Sulaiyman al-Kurdi (atau lebih dikenali sebagai Syeikh al-Islam dan Imam Haramayn pada zaman tersebut), Syeikh Ahmad bin 'Abd al-Mun'im al-Damanhuri (m. 1192H / 1778M), Syeikh Muhammad bin 'Abd al-karim al-Sammani (m.1190H / 1776M) dan ramai lagi (Azyumardi Azra:1995M:247) selama beliau menuntut di Timur Tengah dalam tempoh 35 tahun.

Berkisarkan pelajar di bawah jagaan al-Falimbani, tiada informasi yang jelas perihal mereka. Namun, ada sumber yang mengatakan beliau mempunyai sejumlah penuntut di Palembang. Tambahan pula, ada yang menceritakan bahawa juga bahawa al-Falimbani pernah mengadakan penghijrahan ke satu kawasan bernama Zabid, di mana beliau mengajar murid-muridnya terutama daripada keluarga Ahdal dan Mizjaji. Salah seorang muridnya di Zabid adalah Wajih al-Din 'Abd al-Rahman bin Sulaiman bin Yahya bin 'Umar al-Ahdal (1179-1255H / 1765-1839M) dan beraja itu menjawat jawatan sebagai Mufti Zabid (Azyumardi Azra:1995M:250).

### Kembalinya ke Rahmatullah

Tarikh kematian Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani ialah pada tahun 1244H atau 1828M. Beliau mati syahid dalam peperangan antara Kedah dan Siam. Beliau diandaikan mati syahid pada umur seratus tahun atau lebih dan jenazahnya tidak sempat dikebumikan kerana tentera Kedah terpaksa berundur (Muhammad Hasan Tok Kerani:1968M:149-150). Namun, ada versi lain yang mengatakan bahawa beliau berkhawat di sebuah masjid yang terletak di Legor dan jejaknya tidak dapat dikesan sewaktu tentera Kedah diambang kekalahan. Justeru, tiada kubur khusus yang disahkan atas nama beliau (Wan Mohd Saghir Abdullah:1983M:20)

Penglibatan secara langsung dalam medan perang Kedah-Siam membuatkan dakwaan penempatan makam al-Falimbani di Palembang yang masih dikunjungi, disangkal (M. C. Quzwain:t:t:12). Namun, besar kemungkinan al-Falimbani dikebumikan di Patani sejajar dengan fakta beliau mati syahid dalam peperangan Kedah-Siam.

Diceritakan lagi bahawa Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani dan rombongan beliau menuju Patani untuk menghadapi tentera Siam. Namun, kehadiran beliau agak lewat kerana pasukan Patani dikatakan berlaku pada 20 Jun 1832M di mana Patani telah pun tewas dalam peperangan tersebut. Al-Falimbani akhirnya diberkas dalam peperangan dan dibunuh dengan cara pancung leher oleh tentera Siam. Jasadnya bersemadi di tanah perkuburan Kampong Banterap mukim Jenung daerah Cenak pada tahun 1832M (Ismail Ishaq Banjasemait:2002M:8).

### KESIMPULAN

Kesimpulan pada keseluruhan kajian, Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani merupakan tokoh ulamak yang tersohor dan salah seorang penulis sastera keagamaan paling menonjol, yang telah menghasilkan beberapa teks penting di dalam bidang Tasawuf, Usuluddin dan Fekah. Beliau berasal dari wilayah Palembang, Sumatera Indonesia. Setelah mengisi dada dengan pelbagai bidang ilmu di tanah kelahirannya sendiri, al-Falimbani meneruskan kegiatan keilmuan secara lebih mendalam di Mekah dan Madinah. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar bukan sahaja terhadap perkembangan

Islam di Palembang dan Nusantara, tetapi juga kepada perkembangan penulisan ilmu-ilmu Islam di rantau ini. Ianya terbukti dengan jumlah karya yang dihasilkan di dalam pelbagai disiplin ilmu keislaman.

## PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGEMENT

Sekalung penghargaan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan dan pembiayaan kajian menerusi Hadiah Latihan Persekutuan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

## RUJUKAN / REFERENCES

- [1] 'Al-Falimbani, Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani (tt), Sayr al-Sālikīn, TT.P:Percetakan al-Ma'ārif, t.c.
- [2] Azyumardi Azra, Dr. (1995M), Jaringan Ulama timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVIII, Bandung:Penerbit Mizan, C. 2.
- [3] Isma'il Ishaq Banjasemait al-Fatani, Hj (2002M), Makām al-Syāhid 'Abd al-Samad al-Falimbānī, Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ulama Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani, Alor Setar:Dewan Masjid Kompleks al-Bukhari.
- [4] M. Chatib Quzwain (1968M), Mengenal Allah Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani, Kuala Lumpur : Thinkers Library.
- [5] (MS di Pusat Manuskrip Melayu, P.N.M)
- [6] Muhammad 'Uthman el-Muhammadi, Dr. (2002M), Antara Unsur Tradisional Dengan Unsur Intelektual Dalam Karya Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani Dengan Rujukan Khas Kepada Sayr al-Sālikīn, Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ulama Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani, Alor Setar:Dewan Masjid Kompleks al-Bukhari.
- [7] Muhammad Hasan b. Tok Kenari Mohd. Arshad (1968M), al-Tārīkh Salāsilah Negeri Kedah, Kuala Lumpur:DBP
- [8] Wan Mohd Saghir 'Abdullah, Hj. (2002M), Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani Dan Angkatannya Dalam Tamadun Keilmuan Melayu, Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ulama Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani. Alor Setar:Dewan Masjid Kompleks al-Bukhari.